



Ruj. Kami: ANM.NS.600/2/6/6(02)
Tarikh : 04 April 2022

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGESAHAN BAKI DAN VERIFIKASI ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2022.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat JANM BPOPA.600-1/4/1(27) bertarikh 12 Oktober 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, semua PTJ diminta untuk melaksanakan tindakan penyediaan pengesahan baki dan verifikasi aset bukan kewangan bagi **Sukuan (1)** yang bertujuan untuk mengesahkan jumlah dan amaun aset yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah benar dan saksama.

3. Sehubungan dengan ini, mohon kerjasama PTJ memberi maklumbalas dengan menyediakan laporan-laporan seperti jadual di bawah dan menghantar secara **hardcopy** dan **softcopy** melalui emel ke teamupans@gmail.com. Sila ambil maklum tarikh penyerahan kepada Jabatan Akauntan Negara Negeri Sembilan.

TINDAKAN	LAPORAN	TARIKH SERAHAN SECARA HARDCOPY DAN SOFTCOPY
PTJ (Jana Laporan PTJ Dipertanggung sehingga 31 Mac 2022)	<ul style="list-style-type: none">Laporan Baki Aset (LBA) yang disahkan oleh Ketua PTJLaporan A1Laporan A2Laporan A3	20 April 2022 (Rabu) selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

ANM.NS.600/2/6/6(02)

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT c.A. (M))
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

NSB SHARE 4 /UPA/17/surat verifikasi aset sukuan